

LITERASI MEDIA DAN MAKLUMAT DI PERPUSTAKAAN SEKOLAH ANTARABANGSA

Mayasari Abdul Majid
Nobel International School
Selangor, Malaysia
Email: mayasari.abdulmajid@gmail.com

Abstrak : Literasi Media dan Maklumat (LMM) harus diterapkan ke dalam kurikulum sekolah seawal mungkin. Kurikulum LMM mesti mengikut peringkat umur pelajar. Perpustakaan sekolah dan pustakawan sekolah profesional dipertanggungjawabkan untuk mempromosi LMM di sekolah. Sekumpulan pustakawan sekolah antarabangsa menemui modul yang sesuai untuk pelajar di peringkat sekolah rendah dan menengah. Sukatan pelajaran meliputi sepenuhnya, termasuk penilaian Internet, carian maklumat dan rujukan. Di samping itu, pelajar akan belajar tentang maklumat yang salah. Pustakawan sekolah ini telah membangunkan lima modul utama, yang setiap satunya mempunyai penilaian. Selepas melaksanakan modul ini untuk kelas perpustakaan dan membantu pelajar menyiapkan penilaian/tugasan sepanjang tempoh yang diberikan, pustakawan sekolah mendapat maklum balas positif daripada guru-guru subjek. Keberkesanan modul LMM telah membantu pelajar dari segi motivasi dan pencapaian pelajar.

Kata kunci: Literasi Media dan Maklumat, perpustakaan sekolah, pustakawan, motivasi, pencapaian

Pendahuluan

Perpustakaan sekolah di Malaysia turut dikenali sebagai Pusat Sumber Sekolah di kebanyakan sekolah awam di Malaysia. Di beberapa negara asing, Pusat Sumber Sekolah dikenali sebagai Perpustakaan sekolah atau Pusat Media Perpustakaan Sekolah (Morris, 2013). Kebanyakan sekolah antarabangsa di Malaysia, ianya dikenali sebagai Perpustakaan Sekolah. Oleh itu, di dalam buku ini, pengarang menggunakan istilah perpustakaan sekolah.

Individu yang mengendalikan kebanyakan perpustakaan sekolah di sekolah awam adalah guru-guru yang mempunyai profisien perguruan di mana mereka mempunyai sijil di dalam bidang Pendidikan namun tidak di dalam bidang pengurusan perpustakaan sekolah. Namun demikian, mereka diwajibkan menghadiri kursus pengendalian perpustakaan sekolah.

Berbeza dengan sekolah antarabangsa di Malaysia, di mana individu yang mengendalikan perpustakaan sekolah adalah individu yang mempunyai sijil di dalam Pengurusan Perpustakaan dan Maklumat atau Pengurusan Pusat Sumber dan mereka digelar "Pustakawan Sekolah". Mereka juga perlu mengendali Kelas Perpustakaan atau "*Library Lessons*". Ada juga sekolah antarabangsa yang memerlukan Guru Pustakawan atau "*Teacher-Librarian*" di mana individu ini perlu mempunyai sijil di dalam pengurusan perpustakaan dan Pendidikan.

Tujuan kertas ini adalah untuk mengkaji keberkesanan Literasi Media dan Maklumat (LMM) yang ditawarkan di perpustakaan sekolah antarabangsa. Sekolah Antarabangsa ini, yang dikenali sebagai IS1, menawarkan Kelas Perpustakaan untuk pelajar Rendah dan Menengah. Ianya diadakan untuk membantu dan membimbing pelajar melengkapkan diri dengan Kemahiran LMM untuk menyokong akademik mereka. Modul Kemahiran LMM ini telah dimulakan oleh pustakawan sekolah IS1 dan bekerjasama dengan pakar daripada universiti dan guru sekolah. Terdapat lima Modul Literasi Maklumat dibangunkan iaitu: Sumber Maklumat, Akses Katalog Awam. Atas Talian (OPAC), Sumber Maklumat Dalam Talian, Petikan & Rujukan dan Langkah-Langkah Penyelidikan Asas. Kajian ini melibatkan dua buah sekolah antarabangsa sekitar Lembah Klang dan penulis menemuramah guru-guru subjek yang terlibat beserta data yang diterima daripada mereka. Kajian ini dilakukan kerana kurang pendedahan kepada masyarakat kepentingan dan keperluan Kelas Perpustakaan dan Kemahiran LMM. Manakala S2 pula, menerapkan Kemahiran LMM di dalam program membaca mereka.

Kajian Literatur

Berdasarkan Manifesto IFLA 2021, perpustakaan sekolah fokus kepada pertumbuhan pelajar dengan menyediakan akses yang saksama untuk pengalaman pembelajaran, sumber dan ruang pembelajaran yang membolehkan semua ahli komuniti sekolah menjadi komuniti yang berfikiran kritis, menjadi pembaca dan pengguna yang praktikal, mampu menilai dan mencipta maklumat yang bertanggungjawab dalam pelbagai format sejajar dengan kehendak pembelajaran abad ke-21. Fadzliaton (2010,2015) menyebut perpustakaan sekolah pada abad ke-21 harus melengkapi pelajar dengan kemahiran literasi maklumat yang akan membantu mereka dalam pembangunan tabiat pembelajaran hidup, di mana ianya memungkinkan mereka untuk menjadi warganegara yang berpengetahuan dan bertanggungjawab.

Sumber Maklumat

Menurut Bahagian Teknologi Pendidikan (2017), pelbagai jenis sumber yang terdapat di perpustakaan sekolah mampu meningkatkan kemahiran pencarian maklumat. Dalam masa yang sama, ianya mendorong pelajar untuk melakukan rujukan yang berkesan.

Kebanyakan perpustakaan sekolah antarabangsa, menyediakan sumber maklumat dalam bentuk fizikal dan digital. Terdapat juga perpustakaan sekolah yang melanggan sumber maklumat yang berbentuk digital seperti pangkalan data dalam talian. Koleksi sumber maklumat yang bersesuaian dapat menyokong kurikulum dan kokurikulum di sekolah. Hal ini kerana, perpustakaan sekolah pada abad ke-21 mengutamakan pembelajaran berpusatkan pelajar.

Dengan adanya kandungan yang bersesuaian di perpustakaan sekolah, guru dan pelajar boleh menggunakan kemahiran perpustakaan, kemahiran belajar, kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi, serta kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam konteks mencari, mengumpul, menyebarkan dan menggunakan kemahiran media dan literasi maklumat. Kemahiran-kemahiran ini membolehkan pelajar berupaya mengakses maklumat yang sesuai untuk pembelajaran. Justeru itu, adalah penting kandungan di perpustakaan sekolah perlu terdiri daripada bahan bercetak, bahan bukan bercetak dan digital untuk pelajar. Pelajar juga dapat mempraktikkan pembelajaran sepanjang hayat melalui pembelajaran dari kemahiran mencari maklumat yang membolehkan mereka bersedia untuk menjalani proses pembelajaran dan bersaing dalam persekitaran kerja yang sebenar pada masa akan datang.

Ruang pembelajaran

Perpustakaan sekolah menyediakan pelbagai ruang pembelajaran di perpustakaan sekolah kerana ianya membantu memastikan pengguna berasa selesa dan seronok melakukan aktiviti pembelajaran di perpustakaan sekolah. Sebagai contoh, di perpustakaan sekolah antarabangsa ada disediakan ruang untuk kajian (*research centre*), ruang untuk merekacipta (*Makerspace*), ruang Literasi dan sebagainya.

Bukan itu sahaja, perpustakaan sekolah perlu memastikan rak-rak buku diletakkan di sudut yang bersesuaian, sesuai dengan jenis sumber maklumat. Rak-rak buku tersebut perlu selamat dan mesra alam sekitar kerana setiap hari para pelajar akan datang dan mencari buku-buku di rak tersebut.

Ruang pembelajaran yang selesa bergantung kepada pengawalan suhu dan kelembapan yang sesuai. Ruang pembelajaran yang selesa juga bergantung kepada pencahayaan dan pengaliran udara yang bagus.

Teknologi

Teknologi ialah koleksi teknik, kaedah, kemahiran, dan proses yang digunakan dalam pengeluaran barangan atau perkhidmatan dalam pencapaian matlamat dan saintifik penyiasatan (Mannix, 2005). Teknologi yang terdiri daripada digital dan elektronik alatan digunakan secara meluas dalam perpustakaan sekolah untuk menyimpan, memindahkan dan mengemas kini maklumat sumber dan perkhidmatan. Teknologi yang muncul dalam bentuk peranti boleh menyediakan kemudahan kepada pengguna apabila menggunakan perpustakaan sekolah (Small et al., 2010).

Keseimbangan kemahiran literasi pelajar juga boleh ditingkatkan dengan bantuan teknologi dan semestinya dengan pemantauan oleh pustakawan sekolah yang profesional. Literasi seimbang ialah pendekatan pengajaran membaca dan menulis yang menggabungkan kesemuanya elemen yang diperlukan untuk pelajar menjadi celik sepenuhnya dan terlibat dalam literasi. Tiga komponen utama literasi seimbang termasuk: bengkel membaca, menulis bengkel, dan kerja perkataan.

Terdapat pelbagai platform bacaan adaptif di pasaran yang membantu pelajar sama ada di perpustakaan sekolah atau di dalam kelas di mana dengan bantuan teknologi ini ianya membantu meningkatkan kemahiran literasi mereka.

Teknologi pembacaan ini membantu pelajar mempunyai akses kepada perpustakaan digital mereka yang dipenuhi dengan beribu-ribu teks yang menarik dan tepat untuk dipilih kerana teknologi ini membantu mereka mengenalpasti tahap literasi mereka (LightSailed, 2022).

Program

Persatuan Perpustakaan Amerika (ALA) (2000), bahawa “literasi maklumat ialah set kebolehan yang memerlukan individu mengenali bila maklumat diperlukan dan keupayaan untuk mencari, menilai dan menggunakan secara berkesan yang diperlukan maklumat”

Hasil kajian daripada Lance selama beberapa tahun (Lance & Schawrz, 2012, 2013); Lance dan Hofschire (2011,2012); Lance dan Kachel (2013, 2018); Lance et al. (1993, 2000, 2001, 2002, 2005, 2014) mendapati bahawa program LMM yang berkualiti memberi kesan kepada skor pembacaan pelajar bukan sahaja di Amerika Syarikat malah tetapi di seluruh dunia.

Beberapa sekolah di sekolah antarabangsa melanggan program membaca secara dalam talian untuk memantau perkembangan skor Lexile para pelajar dengan lebih tepat dan mudah. Antaranya program membaca dalam talian adalah seperti LightSail, Accelerated Readers dan banyak lagi. Program membaca ini adalah gabungan penggunaan teknologi terkini di mana ianya dapat mengenal pasti tahap penguasaan bacaan setiap pelajar dan mampu mencadangkan sumber maklumat yang bersesuaian dengan tahap penguasaan kemahiran membaca dan pemahaman mereka.

Pustakawan sekolah yang professional

Markah ujian pelajar lebih tinggi apabila perpustakaan sekolah dikendalikan oleh staf perpustakaan yang profesional atau pustakawan sekolah sepenuh masa untuk membantu para pelajar.

Di kebanyakan sekolah antarabangsa, guru perpustakaan, pustakawan sekolah atau staf perpustakaan wajib memiliki sijil pengurusan perpustakaan dan maklumat tidak kira dari Malaysia mahupun luar negara.

Mereka ditugaskan untuk memantau perkembangan program membaca para pelajar dan mereka mengambil inisiatif yang dirasakan sesuai untuk menaikkan tahap kemahiran membaca para pelajar. Pustakawan sekolah di sekolah antarabangsa berkolaborasi mempromosi program bacaan di sekolah.

Selain daripada itu, mereka juga membantu pihak pengurusan akademik menjadi fasilitator dalam tugas yang diberikan oleh guru-guru subjek mereka ketika pelajar menghadiri kelas perpustakaan yang dikendalikan oleh pustakawan sekolah yang profesional.

Menurut Potter dan Johnson (2017), kajian di seluruh Amerika Syarikat, terdapat lebih daripada enam puluh penyelidikan yang menunjukkan hasil yang jelas dari korelasi yang berjaya antara pencapaian akademik pelajar dan GPM yang berkelayakan.

Perpustakaan Sekolah dan Motivasi Pelajar

Motivasi boleh didefinisikan sebagai pemacu yang mendorong kita untuk melakukan sesuatu mengikut kepercayaan, harapan, persepsi, nilai, dan minat (Gredler, Broussard & Garrison, 2004; Lai, 2011). Oleh itu, sikap pelajar terhadap pembelajaran bertambah baik dan minat mereka untuk membaca semakin meningkat. Kajian yang dijalankan oleh Williams, Wavell, dan Morrison (2013) percaya bahawa perpustakaan sekolah dapat meningkatkan tahap motivasi di kalangan pelajar. Pelajar mendapat semangat positif sepanjang mereka mengenal pasti kaedah yang tepat untuk mencari maklumat. Hasil kajian mereka juga menyebut bahawa perpustakaan sekolah memberikan sokongan emosi untuk pelajar secara individual dengan bantuan pustakawan sekolah memberi kesan positif terhadap pelajar yang mengalami kesukaran membaca.

Perpustakaan Sekolah dan Prestasi Pelajar

Prestasi pelajar dapat diukur melalui skor ujian pelajar seperti seni bahasa berasaskan standard, ujian membaca, menulis atau kadar literasi (Lance & Kachel, 2018; Lance & Hofschire, 2011) dan ini disokong melalui kajian sebelumnya yang dilakukan oleh (Wardana, Prihatin, & Purwanti, 2019; Ida, 2016; Hoffman, 2016). Penyelidikan tersebut menyatakan bahawa prestasi pelajar itu terhasil dari pertolongan dan ketersediaan perpustakaan sekolah yang lengkap.

Perbincangan

Dapatan daripada hasil kajian mendapati ketiga-tiga responden bersetuju bahawa pelajar mereka telah dibimbing dengan baik oleh pustakawan sekolah tentang cara mencari maklumat yang boleh dipercayai dan berguna. Mereka juga memaklumkan ketika sesi temubual bahawa para pelajar boleh bekerja secara bebas dan memahami cara mencari maklumat dengan bimbingan dan kerjasama yang betul dengan bimbingan pustakawan sekolah yang professional. Hal ini kerana para pelajar telah didedahkan kepada video pendidikan, imej dan laman web ketika Kelas Perpustakaan kerana guru mata pelajaran menjangkakan bahawa pelajar perlu menyediakan sekurang-kurangnya tiga sumber berbeza untuk laporan penyelidikan ini. Oleh itu, pustakawan sekolah menyediakan senarai untuk mereka membuat pilihan dan penilaian sendiri. Menurut Kuhlthau (2021), inkuiri berpandu (*self-guided*) memberikan pelajar kemahiran dan pengetahuan yang mereka perlukan untuk menghadapi cabaran perubahan persekitaran dan pustakawan sekolah memainkan peranan penting dalam menyediakan pelajar akses kepada pelbagai maklumat dan saluran komunikasi yang berbeza. Dengan bantuan pustakawan sekolah mengendalikan Kelas Perpustakaan dengan merujuk kepada Modul LMM berkenaan, telah meningkatkan markah para pelajar dan menaikkan motivasi pelajar. Modul LMM tersebut dibangunkan khas untuk S1 mengikut kurikulum yang ditawarkan di sekolah berkenaan.



Fig.1. Module Literasi Maklumat dan Media di S1
Sumber - Mayasari et al., (2021).

Manakala di IS2, telah diadakan program membaca sebagai salah satu program di bawah program LMM di sekolah tersebut. Kesemua pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah adalah diwajibkan untuk menyertai program ini. Prestasi pelajar untuk kajian ini, adalah berdasarkan skor Lexile. Skor Lexile adalah kebolehan seseorang membaca pada sesuatu tahap mengikut tahap kemahiran membaca mereka. Pelajar Tahun 2-Tahun 9 menunjukkan 99% kenaikan skor Lexile dengan bantuan program membaca iaitu LightSail. Di samping itu, para pustakawan sekolah di IS2 berperanan mencadangkan bahan bacaan yang menarik di dalam LightSail bersesuaian

dengan tahap pembacaan mereka. Data yang diambil oleh penulis adalah daripada rekod pembacaan yang disediakan secara automatik oleh LightSail.

Selain daripada itu, pustakawan sekolah di IS2, memantau aktiviti membaca para pelajar dan menjalankan analisa setiap bulan untuk mengenalpasti kelas yang tidak menunjukkan sebarang prestasi yang positif.





Class	Lexile Averages		
	Baseline Lexile ↓↑	Current Lexile ↓↑	Lexile Growth ↓↑
2 	171	433	▲ 294
2 	225	484	▲ 273
2 	169	268	▲ 111
2 	252	542	▲ 308

Fig.2. Kadar kenaikan skor Lexile
Sumber - LightSail (2022).

Kesimpulan

Modul LMM yang berkesan memerlukan kerjasama antara pengurusan sekolah dan perpustakaan sekolah. Perpustakaan sekolah pada abad-21 dianggap sebagai pusat pembelajaran. Dapatan daripada kedua-dua sekolah antarabangsa menunjukkan bahawa kerjasama antara pustakawan sekolah dan guru yang melaksanakan Modul IL memberi impak yang besar kepada pelajar untuk menjadikan pelajar berdikari dan meningkatkan motivasi mereka untuk menyiapkan tugas. Pustakawan sekolah digalakkan untuk bekerjasama dengan organisasi luar atau universiti untuk melakukan lebih banyak program bagi meningkatkan kesedaran tentang kepentingan LMM, terutamanya apabila berhadapan dengan maklumat yang salah. Diharapkan semua pihak yang berkepentingan memberi sokongan kepada perpustakaan sekolah untuk mewajibkan pelaksanaan kelas perpustakaan dengan merujuk kepada modul LMM yang bersesuaian dengan kurikulum di sekolah masing-masing.

Rujukan

American Library Association. (2000). *Information literacy competency standards for higher education*. The Association of College and Research Libraries. <http://www.ala.org/acrl/standards/informationliteracycompetency>.

Bahagian Teknologi Pendidikan. (2017). *Buku panduan pengurusan pusat sumber sekolah abad ke-21: Untuk guru perpustakaan dan media (GPM)* [21st century school resource centre guideline: For GPM]. Bahagian Teknologi Pendidikan.

Fadzliation Zainudin & Kamarulzaman Ismail. (2010, September 27–October 1). *Measuring Malaysia school resource centers' standards through iQ-PSS: An online management information system* [Paper presentation]. School Library Association of Queensland and the International Association of School Librarianship Conference incorporating the International Forum on Research in School Librarianship 2010, Brisbane, Queensland, Australia. <https://eric.ed.gov/?id=ED518590>

Fadzliation Zainudin. (2015). *The Malaysian smart school: A conceptual blueprint* [PowerPoint slides]. SlideShare. <https://www.slideshare.net/Fadzliation/the-malaysian-smart-school-a-conceptual-blueprint-54597455>

Prosiding Seminar Literasi Media dan Maklumat Kebangsaan 2022

Gredler, M.E., Broussard, S.C. & Garrison, M.E.B. (2004). The relationship between classroom motivation and academic achievement in elementary school aged children. *Family and Consumer Sciences Research Journal*, 33, 106-120. <https://doi.org/10.1177/1077727X042695>

Hoffman, C. M. (2016). *Growing middle school readers: The impact of middle school classroom libraries on student achievement and motivation* (Publication No. 10147681) [Doctoral thesis, Wingate University]. ProQuest Dissertations Publishing.

Ida, L. (2016). Influence of library services on students' academic performance in an ordinary certificate of secondary education examination in Mtwara Mikindani Municipality, Tanzania [Master dissertation, University of Tanzania].

Lai, E. R. (2011). *Motivation : A literature Review*. Pearson. https://images.pearsonassessments.com/images/tmrs/Motivation_Review_final.pdf

Lance, K. C., & Schwarz, B. (2013). *How Pennsylvania school libraries pay off: Investments in student achievement and academic standards*. PA School Library Project. <http://paschoollibraryproject.org/research>

Lance, K. C., Schwarz, B., & Rodney, M. J. (2014). How libraries transform schools by contributing to student success: Evidence linking South Carolina school libraries and PASS & HSAP results. South Carolina Association of School Librarians.

Lance, K. C., Hamilton-Pennell, C., & Rodney, M. J. (2000). Measuring up to standards: The impact of school library programs and information literacy in Pennsylvania schools. Pennsylvania Citizens for Better Libraries.

Lance, K. C. (2010). *Endorsed librarian positions in Colorado public schools trending downward*. Fast Facts "Recent Statistics from the Library Research Service." http://www.lrs.org/documents/fastfacts/288_School_Staffing_Trends.pdf

Lance, K. C., Hamilton-Pennell, C., & Rodney, M. J. (2002). Make the connection: Quality school library media programs impact academic achievement in Iowa. Iowa Area Education Agencies.

Lance, K. C., & Hofschire, L. (2012). Change in school librarian staffing linked with change in CSAP reading performance, 2005 to 2011. Colorado State Library, Library Research Service.

Lance, K. C., Rodney, M. J., & Hamilton-Pennell, C. (1993). *The impact of school library media centers on academic achievement*. Hi Willow Research and Publishing.

Lance, K. C., Rodney, M. J., & Hamilton-Pennell, C. (2001). Good schools have school librarians: Oregon school librarians collaborate to improve academic achievement. Educational Media Association.

Lance, K. C., Rodney, M. J., & Hamilton-Pennell, C. (2003). *How school libraries improve outcomes for children: the New Mexico study*. New Mexico State Library. https://www.researchgate.net/publication/252571688_How_School_Libraries_Improve_Outcomes_for_Children_The_New_Mexico_Study

Lance, K. C., Rodney, M. J., & Hamilton-Pennell, C. (2005). *Powerful libraries make powerful learners: The Illinois study*. Illinois School Library Media Association. <http://www.islma.org/pdf/ILStudy2.pdf> 334335

Lance, K. C., & Schwarz, B. (2012). *How Pennsylvania school libraries pay off: Investments in student achievement and academic standards*. PA School Library Project. <https://files.eric.ed.gov/fulltext/ED543418.pdf>

Lance, K. C., & Hofschire, L. (2011). Something to shout about: New research shows that more librarians mean higher reading scores. *School Library Journal*, 57(9), 28 (33).

Lance, K. C., & Kachel, D. E. (2013). Latest study: A full-time school librarian makes a critical difference in boosting student achievement. *School Library Journal*. <https://www.slj.com/?detailStory=librarian-required-a-new-study-shows-that-a-full-time-school-librarian-makes-a-critical-difference-in-boosting-student-achievement>

Prosiding Seminar Literasi Media dan Maklumat Kebangsaan 2022

Lance, K. C., & Kachel, D. E. (2018). Why school librarians matter: What years of research tell us. *Phi Delta Kappan*, 99(7), <https://doi.org/10.1177/0031721718767854>

Lightsailed. (2022). *Why the LightSail readers has been shown to work?* <https://lightsailed.com/it-works/>

Mannix, L. H., & Stratton, J. A. (2005). *Mind and hand: The birth of MIT*. MIT Press.

Mayasari Abdul Majid, Shamila Mohamed Shuhidan, Haslinda Husaini, Siti Shahidatul Akmal, Mohd. Faizal Hamzah (2021). *Information Literacy Module*.

Morris, B. (2013). Administering the school library media center. Libraries Unlimited.

Potter, T., & Johnson, K. (2017). Preservice school librarian voices. *Knowledge Quest*, 45(5), 21-29.

Wardana, I. M., Prihatin, T., & Purwanti, E. (2019). Utilization of school library, learning strategy, motivation as intervening towards students learning achievement. *Journal of Primary Education*, 8(4), 49-57

William, D., Wavell, C., & Morrison, K. (2013). The impact of school libraries on learning. Scotland: Scottish Library and Information Council (SLIC).